



# KAMUS KPI 2019

VERSI 2.0

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK  
DAN KOLEJ KOMUNITI  
GALERIA PJH, JALAN P4W,  
PERSIARAN PERDANA,  
62100 PRESINT 4,  
PUTRAJAYA

# ISI KANDUNGAN

◇	Visi dan Misi	_____	01	
◇	Carta Organisasi	_____	02	
◇	Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti	_____	03	
◇	6 Teras Strategi	_____	05	
◇	Senarai Pernyataan KPI	_____	06	
◇	Senarai Pemilik Proses KPI	_____	08	
◇	Timeline Pengisian Data	_____	10	
◇	Peranan Pengguna	_____	11	
◇	Kategori Institusi	_____	12	
◇	KPI 1 _____	13	◇ KPI 14 _____	27
◇	KPI 2 _____	14	◇ KPI 15 _____	28
◇	KPI 3 _____	15	◇ KPI 16 _____	29
◇	KPI 4 _____	16	◇ KPI 17 _____	29
◇	KPI 5 _____	17	◇ KPI 18 _____	31
◇	KPI 6 _____	18	◇ KPI 19 _____	33
◇	KPI 7 _____	19	◇ KPI 20 _____	34
◇	KPI 8 _____	20	◇ KPI 21 _____	36
◇	KPI 9 _____	21	◇ KPI 22 _____	38
◇	KPI 10 _____	22	◇ KPI 23 _____	39
◇	KPI 11 _____	24	◇ KPI 24 _____	40
◇	KPI 12 _____	25	◇ KPI 25 _____	41
◇	KPI 13 _____	26	◇ KPI 26 _____	42
◇	Lampiran	_____	43	
◇	Sidang Redaksi	_____	54	

# VISI

---

**MENJADI PENERAJU INSTITUSI  
TVET YANG UNGGUL**  
*TO BE THE LEARNING-EDGE  
TVET INSTITUTION*

---

# MISI

---

**Menyediakan akses yang meluas kepada  
program TVET berkualiti dan diiktiraf**  
*To provide wide access to quality and recognized  
TVET programmes*


**Memperkasa komuniti melalui pembelajaran  
sepanjang hayat**  
*To empower communities through lifelong  
learning*

**Melahirkan graduan holistik, berciri  
keusahawanan dan seimbang**  
*To develop holistic, entrepreneurial and  
balanced graduates*

**Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian  
pintar dengan pihak berkepentingan**  
*To capitalise on smart partnership with  
stakeholders*

---

# CARTA ORGANISASI



# PELAN STRATEGIK POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

“

**MENJADI PENERAJU INSTITUSI  
TVET YANG UNGGUL**

”



Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf  
Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat  
Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang  
Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan



**PELAN STRATEGIK JPPKK 2018 - 2025**

**6 TERAS STRATEGIK**

**14 OBJEKTIF STRATEGIK**

**26 KPI JPPKK DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019**

**9**

KPI JABATAN

**4**

KPI JABATAN  
DAN INSTITUSI

**13**

KPI INSTITUSI


# PELAN STRATEGIK POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

## VISI

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

## MISI

Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf  
 Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat  
 Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang  
 Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan



# 6 TERAS STRATEGI

## 14 OBJEKTIF STRATEGI BAHARU 2018 - 2025

### TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

1. Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (*High Employability*)
2. Menambahbaik ekosistem keusahawanan
3. Membangunkan graduan TVET berciri warga global

### TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

1. Memperkasa institusi berpacuan 4IR
2. Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan

### TERAS 3: MEMPERKAYA BAKAT

1. Melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif

### TERAS 4 : MENERAJUI SISTEM PENDIDIKAN MELALUI TVET 4.0

1. Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri
2. Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian
3. Memperluas akses
4. Mendapatkan pengiktirafan dan/atau akreditasi

### TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI & KOMUNITI

1. Memperkukuh jaringan industri-institusi
2. Memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti
3. Memperkukuh hubungan dengan alumni

### TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN GUNAAN & INOVASI

1. Melestari ekosistem penyelidikan dan inovasi

# SENARAI PERNYATAAN KPI

NO	PERNYATAAN KPI	KATEGORI INSTITUSI		FREKUENSI PELAPORAN
		JABATAN	INSTITUSI	
1.	Peratus kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen	PP	/	Tahunan
2.	Peratus graduan Politeknik dan Kolej Komuniti yang bekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan	PP	/	Tahunan
3.	Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT)	PP	/	Tahunan
4.	Peratusan Graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	PP	/	Tahunan
5.	Bilangan pelajar yang mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	/	TB	Sukuan
6.	Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan komuniti atau institusi	PP	/	Tahunan
7.	Bilangan institusi yang menjadi rujukan dalam bidang COT	/	TB	Tahunan
8.	Bilangan hebahan program jabatan / institusi di media baharu	/	/	Tahunan
9.	Bilangan video promosi / institusi / <i>success story</i>	/	/*	Tahunan
10.	Bilangan aktiviti <i>Lean Management</i> di jabatan / institusi	/	/	Tahunan
11.	Bilangan institusi yang mencapai <i>Overall Equipment Efficiency</i> (OEE) berdasarkan skor	/	TB	Tahunan
12.	Peratus prestasi pembayaran bil dalam tempoh 7 hari daripada dokumen lengkap diterima	/	/	Sukuan
13.	Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P63) yang dicapai oleh jabatan	/	TB	Tahunan
14.	Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa	PP	/	Sukuan
15.	Peratus pembangunan program pengajian yang menerapkan pengetahuan serta kemahiran berlandaskan 4IR	/	TB	Tahunan
16.	Bilangan program pengajian yang mengunapakai pendekatan WBL	/	TB	Tahunan
17.	Bilangan <i>learning spaces</i> yang mencapai sekurang-kurangnya status tiga bintang	/	TB	Tahunan
18.	Peratus pelaksanaan pembelajaran teradun	/	TB	Tahunan
19.	Bilangan ruang pembelajaran yang dilengkapi teknologi 4IR	/	TB	Tahunan
20.	Bilangan institusi yang diberi pengiktirafan atau akreditasi daripada organisasi atau badan-badan profesional / industri yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	/	TB	Tahunan



# SENARAI PERNYATAAN KPI

NO	PERNYATAAN KPI	KATEGORI INSTITUSI		FREKUENSI PELAPORAN
		JABATAN	INSTITUSI	
21.	Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	PP	/	Sukuan
22.	Bilangan penyertaan program PSH bagi setiap institusi pada tahun semasa	PP	/	Sukuan
23.	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni	PP	/	Sukuan
24.	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan / <i>solution provider</i>	PP	/*	Sukuan
25.	Bilangan kertas penyelidikan TVET yang diterbitkan	PP	/*	Sukuan
26.	Peratus tahap pencapaian Centre of Technology di institusi	PP	/*	Sukuan

PP : Pemantauan dan pelaporan oleh pihak jabatan

TB : Pelaksanaan di peringkat institusi. Pengisian data oleh Pemilik Proses di jabatan

/\* : Institusi tertentu sahaja terlibat

# SENARAI PEMILIK PROSES KPI 2019

NO	NAMA	BAHAGIAN	KPI
01.	Farah Hida binti Mohiddin   farahhida@moe.gov.my	Kolaborasi Industri & Komuniti (BKIK)	1
02.	Farah Hida binti Mohiddin   farahhida@moe.gov.my	Kolaborasi Industri & Komuniti (BKIK)	2
03.	Siti Fadzlina binti Mohamad Asri   fadzlina.asri@moe.gov.my	Peperiksaan & Penilaian (BPN)	3
04.	Mohamad Ali bin Hamzah   ali.hamzah@moe.gov.my	Ambilan & Pembangunan Pelajar (BAPP)	4
05.	Mohd Farizul Irni bin Ismail   farizul.ismail@moe.gov.my	Ambilan & Pembangunan Pelajar (BAPP)	5
06.	Mohd Farizul Irni bin Ismail   farizul.ismail@moe.gov.my	Ambilan & Pembangunan Pelajar (BAPP)	6
07.	Muhammad Nafi' Rezani bin Tahrir   nafi.tahrir@moe.gov.my	Perancangan Program & Institusi (BPPI)	7
08.	Suriawati bt Mohd Fadzil   suriawati.fadzil@moe.gov.my	Komunikasi & Hubungan Korporat (UKK)	8
09.	Suriawati bt Mohd Fadzil   suriawati.fadzil@moe.gov.my	Komunikasi & Hubungan Korporat (UKK)	9
10.	Mohd Asnawi bin Abd Wahab   asnawi@moe.gov.my	Governan & Kecemerlangan (BGK)	10
11.	Muhammad Nafi' Rezani bin Tahrir   nafi.tahrir@moe.gov.my	Perancangan Program & Institusi (BPPI)	11
12.	Tengku Azizah binti Tengku Ishak   azizah.ishak@moe.gov.my Wan Hartiny bt Wan Abdul   wanhartiny.abdul@moe.gov.my	Khidmat Pengurusan (BKP)	12
13.	Muhammad Nafi' Rezani bin Tahrir   nafi.tahrir@moe.gov.my	Perancangan Program & Institusi (BPPI)	13
14.	Mohd Sallehuddin bin Yazid   sallehuddin@moe.gov.my	Kompetensi & Peningkatan Kerjaya (BKPK)	14
15.	Nur Ili Izyani bt Muhamad   iliizyani@moe.gov.my	Kurikulum (BK)	15
16.	Nur Ili Izyani bt Muhamad   iliizyani@moe.gov.my	Kurikulum (BK)	16
17.	Mohd Ghanim bin Ghazali   mohdghanim@moe.gov.my Nurul Faiza binti Mohd Zain   nurulfaiza.zain@moe.gov.my	Instruksional & Pembelajaran Digital (BIPD)	17
18.	Mohd Ghanim bin Ghazali   mohdghanim@moe.gov.my Nurul Faiza binti Mohd Zain   nurulfaiza.zain@moe.gov.my	Instruksional & Pembelajaran Digital (BIPD)	18

# SENARAI PEMILIK PROSES KPI 2019

NO	NAMA	BAHAGIAN	KPI
19.	Mohd Ghanim bin Ghazali   mohdghanim@moe.gov.my Nurul Faiza binti Mohd Zain   nurulfaiza.zain@moe.gov.my	Instruksional & Pembelajaran Digital (BIPD)	19
20.	Mas Azlina Bt Mohd Alias   azlina.alias@moe.gov.my	Governan & Kecemerlangan (BGK)	20
21.	Fadzilah binti Abdullah   fadzilah.abd@moe.gov.my	Kolaborasi Industri & Komuniti (BKIK)	21
22.	Firdaus bin Hassan   firdaus.hassan@moe.gov.my Hanida bt Abdullah   hanida.abdullah@moe.gov.my	Kurikulum (BK) & Kolaborasi Industri & Komuniti (BKIK)	22
23.	Mohd Syahizan bin Shahabani   msyahizan@moe.gov.my	Ambilan & Pembangunan Pelajar (BAPP)	23
24.	Fauzul Azhan bin Abdul Aziz   fauzul.aziz@moe.gov.my	Pusat Penyelidikan & Inovasi (PPI)	24
25.	Siti Zubaidah binti Ibrahim   zubaidah.ibrahim@moe.gov.my	Pusat Penyelidikan & Inovasi (PPI)	25
26.	Muhammad Nafi' Rezani bin Tahrir   nafi.tahrir@moe.gov.my	Perancangan Program & Institusi (BPPI)	26

# TIMELINE PENGISIAN DATA



**15 April 2019**

Tarikh Tutup  
Pengisian Data



**15 Julai 2019**

Tarikh Tutup  
Pengisian Data



**14 Oktober 2019**

Tarikh Tutup  
Pengisian Data



**16 Disember 2019**

Tarikh Tutup  
Pengisian Data

**Sukuan I**

**Sukuan II**

**Sukuan III**

**Sukuan IV**



**22 April 2019**

Validasi  
Data Pencapaian



**22 Julai 2019**

Validasi  
Data Pencapaian



**21 Oktober 2019**


Validasi  
Data Pencapaian



**23 Disember 2019**

Validasi  
Data Pencapaian

# PERANAN PENGGUNA



\*PIC Institusi : Pegawai yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan KPI berkaitan di institusi

- ◆ Unit Kecemerlangan Institusi (UKI) berfungsi sebagai urus setia yang memudahcara penetapan KPI JPPKK dan mendapatkan input daripada pemilik proses dari setiap bahagian di JPPKK.
- ◆ Penetapan ini diterjemahkan ke dalam sistem PERSIST yang mengandungi penetapan sasaran manakala pengisian data pencapaian akan dikemaskini oleh penyelaras KPI setiap institusi.
- ◆ Penyelaras KPI Institusi selaku urus setia dan pemudahcara sistem perlu mendapatkan data pencapaian daripada PIC Institusi yang terlibat sama dengan pemilik proses di JPPKK.

# KATEGORI INSTITUSI

## POLITEKNIK PREMIER & APACC

9

- PIS
- PKB
- POLIMAS
- POLISAS
- PPD
- PSA
- PSAS
- PSP
- PUO

## POLITEKNIK KONVENSIONAL

22

- PBD
- PBS
- PBT
- PBU
- PHT
- PJK
- PKK
- PKS
- PKT
- PMJ
- PMK
- PMM
- PMS
- PMU
- PNS
- PSIS
- PSMZA
- PSS
- PTS
- PTSB
- PTSN
- PTSS

## POLITEKNIK METRO

5

- PMKL
- PMKU
- PMJB
- PMBS
- PMTC

## KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 1

30

- ARAU
- BANDAR DARULAMAN
- BANDAR PENAWAR
- BUKIT BERUANG
- CHENDEROH
- GERIK
- HULU LANGAT
- JASIN
- JELEBU
- JEMPOL
- KEPALA BATAS
- KUALA LANGAT
- KUALA TERENGGANU
- KUANTAN
- LANGKAWI
- LEDANG
- MASJID TANAH
- PASIR GUDANG
- PASIR SALAK
- PAYA BESAR
- ROMPIN
- SABAK BERNAM
- SEBERANG JAYA
- SEGAMAT
- SEGAMAT 2
- SELANDAR
- SELAYANG
- SUNGAI PETANI
- SUNGAI SIPUT
- TAWAU

## KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 2

33

- AMPANG
- BAGAN DATUK
- BAGAN SERAI
- BALING
- BATU GAJAH
- BATU PAHAT
- BAYAN BARU
- BEAUFORT
- BENTONG
- BESUT
- HULU SELANGOR
- JERANTUT
- KELANA JAYA
- KLUANG
- KOK LANAS
- KOTA MARUDU
- KUALA PILAH
- KUCHING
- KULIM
- LAHAD DATU
- MAS GADING
- MIRI
- PADANG TERAP
- PEKAN
- PENAMPANG
- REMBAU
- SARIKEI
- SIK
- TAIPING
- TAMBUNAN
- TAMPIN
- TELUK INTAN
- TEMERLOH

## KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 3

29

- BANDAR BAHARU
- BANDAR TENGGARA
- BERA
- BETONG
- BUKIT MERTAJAM
- GOPENG
- JELI
- JERAI
- KEMAMAN
- KLANG
- KOTA MELAKA
- KOTA TINGGI
- KUALA KANGSAR
- LIPIS
- MANJUNG
- MUAR
- NIBONG TEBAL
- PAGOH
- PASIR MAS
- RAUB
- SANDAKAN
- SANTUBONG
- SEMPORNA
- SHAH ALAM
- TANGGA BATU
- TAPAH
- TASEK GELUGOR
- TANJUNG KARANG
- TANJUNG PIAI

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

1.1 Melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (*High Employability*)

### KPI

Peratus kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen

### PIC

Politeknik: Pegawai Pengesanan Graduan  
Kolej Komuniti: Pegawai Pengesanan Graduan

### DEFINISI OPERASI:

Kebolehpasaran graduan merujuk kepada graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan pada tahun konvokesyen. Data diperolehi semasa konvokesyen melalui instrumen Kajian Pengesanan Graduan dan pelaporannya diselaraskan oleh Pegawai Pengesanan Graduan di Politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing. Bagi pelaporan KPI ini, Politeknik dan Kolej Komuniti perlu menggunakan data pencapaian rasmi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
90% (PP)	90%	90%	90%	90%	90%	90%

\*PP : Pemantauan dan Pelaporan

### KAEDAH PENGUKURAN:

Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh setiap Institusi pada tahun konvokesyen. Graduan perlu menjawab soal selidik yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pendidikan Tinggi) melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dalam meninjau kebolehdapatan graduan selepas tamat pengajian.

### DOKUMEN BUKTI:

Laporan Kajian Pengesanan Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

1.1 Melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (*High Employability*)

### KPI

Peratus graduan Politeknik dan Kolej Komuniti yang bekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan

### PIC

Politeknik: Pegawai Pengesanan Graduan  
Kolej Komuniti: Pegawai Pengesanan Graduan

### DEFINISI OPERASI:

Graduan TVET Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah tamat pengajian dalam pelbagai bidang dan bekerja sama ada dengan majikan atau bekerja sendiri dalam sektor pembuatan ataupun sektor perkhidmatan serta mendapat ganjaran atau upah daripada pekerjaan tersebut.

i) Sektor Pembuatan merujuk kepada pembuatan yang bukan berasaskan sumber iaitu elektrik dan elektronik, peralatan perubatan, tekstil dan pakaian, jentera dan kelengkapan, logam; dan kelengkapan pengangkutan; dan pembuatan yang berasaskan sumber merangkumi petrokimia, farmaseutikal, berasaskan kayu, berasaskan getah, berasaskan kelapa sawit, dan pemprosesan makanan.

ii) Sektor Perkhidmatan merujuk kepada sektor yang membekalkan perkhidmatan kepada pengguna merangkumi perkhidmatan perniagaan dan profesional, perdagangan pengedaran, pendidikan dan latihan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan ICT dan logistik.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
85% (PP)	85%	85%	85%	85%	85%	85%

\*PP : Pemantauan dan Pelaporan

### KAEDAH PENGUKURAN:

Kaedah peratusan (%) yang diambil dari data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (graduan dari tahun semasa)

### DOKUMEN BUKTI:

(Tidak perlu dikemukakan kerana dokumen yang sama dalam KPI 1)



TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

1.1 Melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (*High Employability*)

### KPI

Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT)

### PIC

Politeknik: Pegawai Peperiksaan / Pegawai Data di Unit Peperiksaan  
Kolej Komuniti: Pegawai Peperiksaan

### DEFINISI OPERASI:

KPI ini menasaskan pengumpulan data bagi mengukur peratusan pelajar yang tamat pengajian dalam tempoh rekabentuk sesebuah program (contohnya 5 semester / 2.5 tahun atau 6 semester / 3 tahun).

Program pengajian yang diambil kira adalah program formal (sempuh masa) seperti berikut:

- i. Sijil Kolej Komuniti
- ii. Diploma Kolej Komuniti
- iii. Diploma Politeknik
- iv. Ijazah Politeknik

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
75% (PP)	75%	75%	75%	75%	75%	75%

\*PP : Pemantauan dan Pelaporan

### KAEDAH PENGUKURAN:

Contoh pengukuran bagi Program Diploma 3 tahun:

$$\text{PERATUS GOT}_{2019} = \frac{\text{Number of students graduating in prescribed graduation year (2019)}}{\text{Number of students enrolled in intake year (2016) - Drop outs (2016 to 2019)}}$$

Nota:

- i. *Number of students enrolled in intake year* adalah bilangan pelajar yang diambil pada minggu ke-6 selepas tempoh rasmi pendaftaran pelajar. Sumber data adalah Hal Ehwal Pelajar (Institusi).
- ii. *Drop outs* adalah bilangan pelajar yang berhenti pengajian dalam tempoh rekabentuk sesuatu program. (Contoh: Mohon berhenti dari tahun 2016 hingga 2019).
- iii. Data dikumpul dan dilaporkan mengikut tahun kemasukan pelajar. (Contoh: GOT tahun 2019 bagi Program Diploma Politeknik adalah pelajar kemasukan sesi Disember 2015 dan Jun 2016 yang tamat dalam tempoh yang ditetapkan dan telah disahkan lulus oleh Lembaga Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan Politeknik. Program Kolej Komuniti disahkan lulus oleh Jawatankuasa Peperiksaan Kolej Komuniti).

### DOKUMEN BUKTI:

Jadual Pengiraan Pelajar Tamat Tempoh (GOT) mengikut program bagi setiap sesi ambilan

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

1.2 Menambah baik ekosistem keusahawanan

## KPI

Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian

## PIC

Politeknik: Ketua Unit Keusahawanan

Kolej Komuniti: Ketua Unit Keusahawanan / Pegawai Keusahawanan

## DEFINISI OPERASI:

Peratusan graduan Politeknik atau Kolej Komuniti yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian (6 hingga 12 bulan). Graduan adalah mereka yang telah dianugerahkan sijil, diploma, diploma lanjutan atau ijazah sarjana muda setelah menamatkan pengajian di Politeknik atau Kolej Komuniti

## SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
4% (PP)	4%	4%	4%	4%	4%	4%

\*PP : Pemantauan dan Pelaporan

## KAEDAH PENGUKURAN:

1. Cara pengiraan

$$\frac{\text{Jumlah graduan yang menjadi usahawan / bekerja sendiri pada tahun berkaitan}}{\text{Jumlah graduan yang bergraduasi pada tahun berkaitan}} \times 100\%$$

2. Pemantauan akan dilakukan sebanyak sekali setahun. Semua maklumat lengkap perlu direkodkan.

3. Semua maklumat lengkap Lampiran E perlu di kemaskini sebelum 30 Oktober setiap tahun bagi tujuan pelaporan kepada pihak KPM.

## DOKUMEN BUKTI:

Lampiran E - Pelaporan Pencapaian Keseluruhan KPI Keusahawanan IPT

TAHUNAN	SUKUAN
	✓

## OBJEKTIF STRATEGIK

1.3 Membangunkan graduan TVET berciri warga global

## KPI

Bilangan pelajar yang mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

## PIC

Politeknik: Pegawai Pembangunan Pelajar  
Kolej Komuniti: Pegawai Pembangunan Pelajar / HEP

## DEFINISI OPERASI:

Mencapai kejayaan merujuk kepada kemenangan / penganugerahan / pentauliah / pensijilan (kompetensi) / pengiktirafan dalam bidang kurikulum atau kokurikulum di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

1. Peringkat kebangsaan bermaksud penyertaan yang melibatkan institusi / agensi luar (selain Politeknik dan Kolej Komuniti).
2. Peringkat antarabangsa bermaksud penyertaan yang melibatkan institusi / agensi dari luar negara.

## SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
40	TB	TB	TB	TB	TB	TB

\*Tidak Berkaitan (TB) : Pelaksanaan di peringkat institusi. Pengisian data oleh Pemilik Proses di jabatan.

## KAEDAH PENGUKURAN:

1. Kemenangan / anugerah kecemerlangan pelajar dalam apa-apa pertandingan seperti acara sukan / kemahiran dan lain-lain dengan memperoleh pingat emas / perak / gangsa atau johan / naib johan atau tempat pertama / kedua / ketiga.
2. Mendapat pengiktirafan daripada badan profesional.
3. Kejayaan pada setiap pelajar (seorang pelajar bagi satu kemenangan / anugerah / pengiktirafan).
4. Sekiranya kejayaan / kemenangan / pengiktirafan bagi satu kumpulan pelajar maka setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan. Contoh: satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada tiga orang pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah tiga orang.
5. Kemenangan atau kejayaan pelajar atas inisiatif sendiri dalam menyertai apa-apa pertandingan diambilkira sekiranya memberi impak menaikkan imej Politeknik / Kolej Komuniti. Tidak diambilkira kejayaan pelajar atas keahlian / nama kelab / persatuan / pertubuhan luar yang disertai.
6. Kejayaan seorang pelajar diambilkira yang tertinggi sahaja dalam kategori / bidang yang sama dalam pelbagai peringkat.

## DOKUMEN BUKTI:

Laporan kejayaan pelajar seperti contoh di Lampiran 1.

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

1.3 Membangunkan graduan TVET berciri warga global

## KPI

Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan komuniti atau institusi

## PIC

Politeknik: Pegawai Sukarelawan  
Kolej Komuniti: Pegawai / Penyelaras Sukarelawan

## DEFINISI OPERASI:

Program sukarelawan yang disertai oleh pelajar yang memberi impak kepada komuniti di pelbagai peringkat (institusi / zon / wilayah / negeri / kebangsaan / antarabangsa).

1. Program Sukarelawan yang dilaksanakan oleh institusi (Politeknik / Kolej Komuniti) bersama komuniti; atau
2. Program Sukarelawan yang dilaksanakan oleh institusi (Politeknik / Kolej Komuniti) dengan kerjasama agensi luar / NGO / swasta; atau
3. Program Sukarelawan yang disertai oleh pelajar Politeknik / Kolej Komuniti yang dianjurkan oleh agensi luar / NGO / swasta (jemputan penyertaan pelajar)

## SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
128 (PP)	1	1	1	1	1	1

\*PP : Pemantauan dan Pelaporan

## KAEDAH PENGUKURAN:

Bilangan program merujuk kepada jumlah program yang dilaksanakan oleh institusi atau jumlah program yang disertai oleh pelajar atas jemputan agensi luar / NGO / swasta.

## DOKUMEN BUKTI:

Laporan pelaksanaan program sukarelawan seperti contoh di Lampiran 2.

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkasa Institusi berpacuan 4IR

### KPI

Bilangan institusi yang menjadi rujukan dalam bidang COT

### PIC

Politeknik: Pengurus COT  
Kolej Komuniti: Pengurus COT

### DEFINISI OPERASI:

KPI ini menyasarkan bilangan institusi yang akan menjadi pusat rujukan samada daripada agensi mahupun industri komersil setempat.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
5	TB	TB	TB	TB	TB	TB

\*Tidak Berkaitan (TB) : Pelaksanaan di peringkat institusi. Pengisian data oleh Pemilik Proses di jabatan.

### KAEDAH PENGUKURAN:

Skor minima sebanyak 70% akan diukur berdasarkan kepada kriteria pengukuran yang akan dipantau oleh Jawatankuasa CoT JPPKK berdasarkan kepada laporan setiap suku tahun dan pemantauan pencapaian CoT dua kali setahun bagi menentukan sesebuah institusi tersebut mencapai KPI yang ditetapkan.

Tahap Pencapaian Institusi Menjadi Sumber Rujukan berdasarkan indikator dan pemberat berikut:

1. Kolaborasi (50%)
  - 1.1 Kolaborasi (Sasaran: 1, markah 15%)
  - 1.2 Aktiviti di dalam kolaborasi (Sasaran: 3, markah 5% per aktiviti)
  - 1.3 Pertukaran / sangkutan staf di premis rakan kolaborasi. (Sasaran: minima 2 bulan bagi tempoh pertukaran / sangkutan, markah 10%)
  - 1.4 Penglibatan / sangkutan pelajar di premis rakan kolaborasi. (Sasaran: 3 orang pelajar bagi tempoh 5 bulan, markah 10%)
2. Pengiktirafan (20%)
  - 2.1 Pengiktirafan dan penganugerahan (pengiktirafan oleh agensi / badan berkanun)
    - Pengiktirafan antarabangsa (markah 10% per pengiktirafan)
    - Pengiktirafan kebangsaan (markah 5% per pengiktirafan)
3. Konsultasi (30%)
  - 3.1 Konsultasi yang ditawarkan kepada agensi / institusi (Sasaran : 5 sesi, markah 6% per sesi)

### DOKUMEN BUKTI:

1. Dokumen rasmi kolaborasi (MoU / NoU / CoC / dokumen berkaitan) atau surat makluman atau surat penempatan SIP / WBL / LI atau email rasmi, dokumen berkaitan.
2. Sijil pengiktirafan / pentauliahan oleh industri atau agensi.
3. Lampiran F (COT *Achievement Validation Form*) yg telah disahkan oleh jawatankuasa COT JPPKK.

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkasa Institusi berpacuan 4IR

### KPI

Bilangan hebahan program jabatan / institusi di media baharu

### PIC

Politeknik: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)  
Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

### DEFINISI OPERASI:

KPI ini menyasarkan bilangan hebahan jabatan / institusi di media baharu. KPI yang disasarkan adalah jumlah bilangan hebahan yang tinggi.

Media baharu adalah istilah yang dimaksudkan untuk mencakup kemunculan digital, komputer atau jaringan teknologi informasi dan komunikasi di akhir abad ke-20. Sebahagian besar teknologi yang digambarkan sebagai media baharu adalah digital, seringkali memiliki karakteristik yang dapat dimanipulasi, bersifat jaringan, padat, mampat, interaktif dan tidak memihak. Secara sederhana media baru adalah media yang terbentuk dari interaksi antara manusia dengan komputer dan internet secara khususnya. Termasuk di dalamnya adalah laman sesawang, blog, jaringan sosial atas talian, forum atas talian dan lain-lain yang menggunakan komputer sebagai mediumnya.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
<b>41</b>	<b>41</b>	<b>31</b>	<b>21</b>	<b>31</b>	<b>31</b>	<b>21</b>

### KAEDAH PENGUKURAN:

1. Sasaran yang ditetapkan tersebut adalah bilangan program / aktiviti / hebahan yang dimuatnaik di media baharu tanpa mengira kekerapan / platform media sosial. Contohnya, satu program dimuatnaik sebanyak 8 kali hebahan di dalam Facebook, tetap diambilkira sebagai satu hebahan kerana program tersebut adalah program yang sama.

2. Pelaporan

Penyediaan pelaporan dalam bentuk *softcopy*.

Laporan di media baharu melalui capaian (*insight @ wawasan*) di Facebook.

### DOKUMEN BUKTI:

Penyediaan Laporan bulanan dari pihak PRO UKK / Politeknik / Kolej Komuniti.

Rujuk Lampiran 3.

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkasa Institusi berpacukan 4IR

### KPI

Bilangan video promosi / institusi / *success story*

### PIC

Politeknik: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)  
Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

### DEFINISI OPERASI:

KPI yang disasarkan adalah jumlah bilangan video promosi / institusi / *success story*.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
1	TT	TT	TT	1	1	1

\*TT : Tidak Terlibat

### KAEDAH PENGUKURAN:

Penyediaan pelaporan dalam bentuk *softcopy*.

### DOKUMEN BUKTI:

Lampiran *storyboard* video.  
Rujuk Lampiran 4.

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkasa Institusi berpacuan 4IR

### KPI

Bilangan aktiviti *Lean Management* di jabatan / institusi

### PIC

Politeknik: Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) (TPSA)

Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP) / Timbalan Pengarah (TP)

### DEFINISI OPERASI:

*Lean Management* adalah peningkatan produktiviti dan kualiti yang memerlukan proses penambahbaikan berterusan melalui percambahan idea kreatif dari pekerja dan amalan secara berkesan. Ia juga mengurangkan / menghapuskan pembaziran dan pengurangan kos.

KPI ini merupakan usaha penambahbaikan yang amat praktikal bagi membantu meningkatkan proses di tempat kerja supaya lebih produktif dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
2	2	2	2	2	2	2

### KAEDAH PENGUKURAN:

1. Perancangan  
Mengkaji dan mencetuskan idea bagi menyelesaikan masalah  
Mewujudkan dasar, objektif proses dan prosedur yang relevan dan merancang perjalanan kerja
2. Pelaksanaan  
Melaksanakan perubahan yang dirancang dengan skala kecil (*pilot project*)
3. Pemantauan  
Mewujudkan tempoh percubaan dan melaporkan perkembangan projek
4. Tindakan Susulan  
Perbandingan pencapaian sebelum dan selepas dan meneruskan penambahbaikan

### DOKUMEN BUKTI:

Laporan aktiviti seperti contoh di Lampiran 5.



TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

2.1 Memperkasa Institusi berpacuan 4IR

### KPI

Bilangan institusi yang mencapai *Overall Equipment Efficiency* (OEE) berdasarkan skor

### PIC

Politeknik: Pegawai Aset  
Kolej Komuniti: Pegawai Aset

### DEFINISI OPERASI:

KPI ini adalah untuk mengukur peratus institusi yang mencapai *Overall Equipment Efficiency* (OEE) berdasarkan skor 85%. Institusi yang mencapai skor ini dikira sebagai institusi yang berjaya mencapai OEE yang telah ditetapkan.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
<b>4</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>

\*Tidak Berkaitan (TB) : Pelaksanaan di peringkat institusi. Pengisian data oleh Pemilik Proses di jabatan.

### KAEDAH PENGUKURAN:

Kaedah pengukuran bagi KPI ini adalah:

$$OEE = Availability \times Performance \times Quality$$

### DOKUMEN BUKTI:

Laporan pemantauan

TAHUNAN	SUKUAN
	✓

## OBJEKTIF STRATEGIK

2.2 Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan

### KPI

Peratus prestasi pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima

### PIC

Politeknik: Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) (TPSA)

Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP) / Timbalan Pengarah (TP)

### DEFINISI OPERASI:

Pembayaran bil perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada:

- i) Sistem ePerolehan: Tarikh invoice dikuncimasuk oleh pembekal
- ii) Sistem iGFMAS: Tarikh di kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%

### KAEDAH PENGUKURAN:

Peratus pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari diambil daripada Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui Sistem iGFMAS

### DOKUMEN BUKTI:

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui sistem iGFMAS

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

2.2 Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan

### KPI

Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P63) yang dicapai oleh jabatan

### PIC

Politeknik: Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) (TPSA)

Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP) / Timbalan Pengarah (TP)

### DEFINISI OPERASI:

Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan P63 adalah berdasarkan kepada peratus jumlah perbelanjaan sebenar berbanding jumlah peruntukan yang disalurkan pada tahun semasa (Waran P63) kepada jabatan dan institusi sebagai agensi yang melaksanakan projek pembangunan.

Sasaran pusat adalah prestasi perbelanjaan bagi jumlah keseluruhan peruntukan P63 yang disalurkan kepada JPPKK meliputi waran peruntukan di JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti sahaja. Sasaran Pusat dan Institusi ditetapkan kepada 100%.

### SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRo	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
100	TB	TB	TB	TB	TB	TB

\*Tidak Berkaitan (TB) : Pelaksanaan di peringkat institusi. Pengisian data oleh Pemilik Proses di jabatan

### KAEDAH PENGUKURAN:

Formula pengukuran:

$$\text{Peratus Prestasi} = \frac{\text{Belanja JANM}}{\text{Jumlah Peruntukan Waran P63}} \times 100\%$$

### DOKUMEN BUKTI:

Laporan bulanan GFMAS

TAHUNAN	SUKUAN
	✓

## OBJEKTIF STRATEGIK

3.1 Melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensi

## KPI

Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa

## PIC

Politeknik: Pegawai Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL)  
Kolej Komuniti: Pegawai Unit Latihan dan Pembangunan Staf (ULPS)

## DEFINISI OPERASI:

Program tersebut meliputi:

1. PPPT yang menyempurnakan program Sangkutan Industri Pensyarah. (Rujuk Garis Panduan SIP); atau
2. Mana-mana latihan yang menawarkan persijilan industri dan persijilan profesional; atau
3. Interaksi bersama industri berkaitan bidang akademik / skop kerja / P&P (perlu mengisi buku log dan melengkapkan sekurang-kurangnya 176 jam secara kumulatif dalam tahun semasa); atau
4. PPPT yang dihantar menghadiri program latihan di industri atau agensi berkaitan; atau
5. PPPT yang dilantik berdasarkan pengalaman industri.

## SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
PP	5%	5%	5%	5%	5%	5%

\*PP : Pemantauan dan Pelaporan

## KAEDAH PENGUKURAN:

$\frac{\text{Jumlah PPPT yang melengkapkan program pembangunan bakat pada tahun berkaitan}}{\text{Raten pengisian penjawatan PPPT bulan Januari tahun berkaitan}} \times 100\%$

## NOTA: (PIC Penyelaras KPI)

Adalah dimaklumkan bagi memudahkan pengiraan bilangan PPPT yang terlibat dengan Program Pembangunan Bakat KPI14. Pihak urusetia KPI14 telah membangunkan satu pautan "Google Drive" bagi tujuan memuatnaik dokumen bukti melalui Pegawai Latihan & Pembangunan Staf (PLPS Kolej Komuniti) atau Pegawai Latihan & Pendidikan Lanjutan (PLPL Politeknik). Manakala pegawai/penyelaras KPI institusi hanya perlu memuatnaik rumusan KPI yang dikeluarkan oleh PLPL/PLPS ke dalam sistem PERSIST.

## DOKUMEN BUKTI: (PIC Pegawai Latihan )

1. OD 1: Sijil SIP yang dikeluarkan oleh BKPK (tahun semasa); atau surat tamat LSI yang dikeluarkan oleh urusetia CIAST
2. OD 2: Sijil yang dikeluarkan oleh penganjur dan masih sah laku sijil tersebut pada tahun semasa
3. OD 3: Buku log yang telah dilengkapkan dan surat pengesahan pengarah institusi / organisasi terhadap interaksi yang dilaksanakan
4. OD 4: Surat jemputan atau surat tawaran atau sijil penyertaan
5. OD 5: Data dari BKPK

TAHUNAN	SUKUAN
✓	

## OBJEKTIF STRATEGIK

4.1 Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri

## KPI

Peratus pembangunan program pengajian yang menerapkan pengetahuan serta kemahiran berlandaskan 4IR

## PIC

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kurikulum (BK)

## DEFINISI OPERASI:

KPI ini menyasarkan pengumpulan data bagi mengukur peratus pembangunan program pengajian yang menerapkan pengetahuan serta kemahiran berlandaskan 4IR

## SASARAN:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
<b>40%</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>

\*Tidak Berkaitan (TB) : Pelaksanaan di peringkat institusi. Pengisian data oleh Pemilik Proses di jabatan

## KAEDAH PENGUKURAN:

Peratus program yang menerapkan elemen 4IR:

$$\frac{\text{Peratus program pengajian di Politeknik} + \text{Peratus program pengajian di Kolej Komuniti}}{2}$$

Melibatkan 8 dari 11 program pengajian Politeknik dan 10 dari 60 program Kolej Komuniti

## DOKUMEN BUKTI:

1. Kertas kerja Mesyuarat Lembaga Kurikulum Bil . 2/2017
2. Pengumpulan data program pengajian yang menerapkan 4IR berdasarkan kepada sasaran

TAHUNAN	SUKUAN
